

## Menilik Nasib

Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَتَى عَرَّافًا فَسَأَلَهُ عَنْ شَيْءٍ فَصَدَّقَهُ بِمَا قَالَ، لَمْ تُقْبَلْ لَهُ صَلَاةٌ أَرْبَعِينَ يَوْمًا

**Maksudnya:** “Sesiapa yang mendatangi tukang tilik untuk bertanyakan sesuatu kepadanya, lalu membenarkan apa yang diramalkannya nescaya tidak akan diterima solatnya selama 40 hari.”

Riwayat Muslim (5957)

## Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Hadis di atas diperkuatkan lagi dengan sabda Baginda SAW dalam riwayat yang lain:

مَنْ أَتَى كَاهِنًا فَصَدَّقَهُ بِمَا قَالَ، فَقَدْ كَفَرَ بِمَا أَنْزَلَ عَلَى مُحَمَّدٍ

**Maksudnya:** “Sesiapa yang mendatangi tukang tilik, lalu membenarkan apa yang dikatakannya, nescaya dia telah kufur terhadap apa yang diturunkan ke atas Muhammad SAW.”

Riwayat al-Bazzar (1873) dengan sanad yang baik lagi kuat

2. Apa yang diturunkan ke atas Nabi Muhammad SAW daripada Allah SWT berkenaan masalah ghaib itu hanya diketahui oleh Allah SWT sahaja, dan bahawasanya Nabi Muhammad SAW sendiri pun tiada mengetahui tentang perkara ghaib itu kecuali diwahyukan kepadanya, apatah lagi manusia biasa

yang lebih-lebih lagi tidak mengetahuinya. Allah SWT berfirman:

قُلْ لَا أَقُولُ لَكُمْ عِنْدِي خَزَائِنُ اللَّهِ وَلَا أَعْلَمُ الْغَيْبَ وَلَا أَقُولُ لَكُمْ إِنِّي مَلَكٌ  
 إِن آتَيْتُ إِلَّا مَا يُوحَىٰ إِلَيَّ

**Maksudnya:** *Katakanlah (wahai Muhammad): “Aku tidak mengatakan kepada kamu (bahawa) perbendaharaan Allah ada di sisi-Ku, dan Aku pula tidak mengetahui perkara-perkara yang ghaib. Aku juga tidak mengatakan kepada kamu bahwasanya Aku ini Malaikat, Aku tidak menurut melainkan apa yang diwahyukan kepadaku.”*

(Surah al-An'am: 50)

- Oleh itu, apabila seorang Muslim telah mengetahui hal ini daripada al-Quran yang ada di sisinya, kemudian menyatakan perkara ghaib ini dengan begitu jelas dan terang, kemudian mempercayai bahawa sesetengah manusia dapat mendedahkan rahsia-rahsia. Allah yang dihijabkan kepada manusia, maka jelaslah dia telah megkufuri apa yang diturunkan Allah kepada Nabi Muhammad SAW.

### Menilik Nasib dengan Batang Kayu yang Kecil .....

Dr. Yusuf al-Qaradhawi berkata: Menilik nasib dengan batang kayu, atau yang seumpamanya dilarang oleh Islam, sesuai dengan hikmah dan sebab yang telah disebutkan sebelum ini.

*Azlaam*, yang biasanya dipakai oleh kaum Arab pada zaman jahiliah untuk menentukan nasib merupakan semacam batang-batang panah kecil yang tertulis pada salah satu daripadanya dengan ungkapan “*Tuhanku menyuruhku*”, dan pada yang lain “*Tuhanku melarangku.*” Kemudian ada pula yang ketiga yang hanya kosong semata, tidak bertulis apa-apa.

Oleh itu, apabila orang yang bermusafir atau mahu berkahwin dan sebagainya, dia dikehendaki pergi ke berhala-berhala yang dimaksudkan, yang terdapat panah-panah *azlaam* itu, lalu dia pun menentukan nasibnya di situ. Maka apabila keluar batang panah tadi dengan menyuruhnya melakukan apa yang hendak dibuatnya, maka diapun melakukannya. Tetapi jika sebaliknya, maka dia pun menghentikan

apa yang hendak dilakukannya. Apabila yang keluar pula batang panah yang kosong, maka dia akan menanggung cita-citanya itu kepada masa yang lain. Atau pun dia akan mengulangi perundiannya itu sekali lagi, atau sehingga berkali-kali, sampai keluarlah tanda yang menyuruhnya atau melarang.

Inilah yang sering berlaku di dalam masyarakat kita dari hal menentukan nasib dengan beramal di atas kubur dan membuka buku tilik, ataupun apa sahaja yang seumpamanya, semua itu dikira mungkar dan hukumnya haram dalam Islam.

Allah SWT berfirman sesudah disebutkan padanya terlebih dahulu tentang pengharaman beberapa jenis makanan, firman-Nya lagi:

وَأَنْ تَسْتَقْسِمُوا بِالْأَزْلَامِ ۚ ذَٰلِكُمْ فِسْقٌ ۗ

**Maksudnya:** Dan (diharamkan juga) kamu menenung nasib dengan undi batang-batang anak panah. Yang demikian itu adalah perbuatan fasik.

(Surah al-Maidah: 3)

Maksud ayat tersebut ialah perbuatan sedemikian diharamkan secara mutlak. Kemudian Nabi menjelaskan lagi perkara yang sama dengan sabdanya:

لَا يَتَالُ الدَّرَجَاتِ الْعُلَىٰ مَنْ تَكَهَّنَ، أَوْ اسْتَقْسَمَ (بِالْأَزْلَامِ) أَوْ رَجَعَ مِنْ سَفَرٍ تَطِيرًا

**Maksudnya:** “Tidaklah akan tercapai tingkat yang tinggi, orang yang suka bertilik atau yang mengundi nasib, ataupun yang tidak belayar kerana percaya kepada tahyul.”

Riwayat al-Tabarani dengan kedua sanadnya di mana perawi salah satu daripadanya adalah *thiqah*

### Mutiara Hikmah

- ❖ **Imam Muslim meriwayatkan:** *Fitnah al-nazar* (bahaya pandangan) merupakan salah satu fitnah terbesar yang menimpa golongan yang beriman. Oleh itu, jaga pandanganmu agar terpelihara hatimu.
- ❖ **Pujangga berkata:** Nasib bukanlah perubahan, melainkan pilihan, iaitu bukan sesuatu yang ditunggu, tetapi sesuatu yang perlu dicapai. Semua orang menentukan nasibnya sendiri.

## Kisah Teladan

Dalam sebuah riwayat daripada al-Bukhari dan Muslim, daripada Zaid bin Khalid al-Juhani RA mengatakan bahawa Rasulullah SAW telah bersolat Subuh bersama-sama mereka setelah hujan yang lebat turun pada malamnya.

Selesai solat, Nabi SAW bangun dan bertanya kepada orang ramai: Apakah kamu mengetahui apa yang difirmankan oleh Allah kepada kamu? Para sahabat yang hadir menjawab: Allah dan Rasul-Nya sahaja yang lebih mengetahui. Lalu Nabi SAW bersabda:

أَصْبَحَ مِنْ عِبَادِي مُؤْمِنٌ بِي وَكَافِرٌ، فَأَمَّا مَنْ قَالَ: مُطِرْنَا بِفَضْلِ اللَّهِ وَرَحْمَتِهِ، فَذَلِكَ  
مُؤْمِنٌ بِي كَافِرٌ بِالْكَوَاكِبِ، وَأَمَّا مَنْ قَالَ: مُطِرْنَا بِنَوْءِ كَذَا وَكَذَا، فَذَلِكَ مُؤْمِنٌ  
بِالْكَوَاكِبِ

**Maksudnya:** “Sebahagian dari hamba-hamba-Ku ada yang beriman, dan ada juga yang kafir. Adapun sesiapa yang berkata: Kami mendapatkan hujan lantaran kurnia dan rahmat daripada Allah, maka orang itu beriman kepada-Ku, dan kafir (tidak percaya) terhadap bintang-bintang. Dan sesiapa yang berkata: Kami mendapatkan hujan kerana bintang ini dan bintang itu, maka orang itu telah kufur kepadaKu dan percaya kepada bintang-bintang.”

Riwayat Ahmad (688)

Lalu para ulama mengatakan: Sesungguhnya jika seseorang Muslim mengucapkan: ‘Kita mendapatkan hujan ini kerana adanya bintang anu itu!’ dengan maksud bahawa bintang itulah yang menyebabkan turunnya hujan, maka pandangan sedemikian menyebabkan si pengucap itu kafir dan murtad tanpa sebarang keraguan. Tetapi, jika dia mengatakan bahawa ‘bintang anu itu’ adalah sebagai tanda turunnya hujan, dan hujan itu turun ketika tanda itu muncul, namun turunnya hujan itu tetap dengan kuasa dan kehendak Allah SWT, maka yang demikian itu tidaklah menyebabkannya kafir.

Dalam ucapan sedemikian, terdapat pertelingkahan di kalangan ulama, tetapi pendapat yang kuat adalah makruh. Ini kerana ucapan sedemikian selalunya diucapkan oleh orang-orang kafir.